

# UNSUR TIPAINDUK DAN MITOS DALAM TEKS PILIHAN

**NORAZIMAH ZAKARIA**  
*Fakulti Bahasa dan Komunikasi*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

## **PENGENALAN**

Tipainduk dan mitos merupakan unsur sastera yang amat dominan dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Kedua-unsur ini penting bagi pengarang kesusasteraan Melayu tradisional dalam penghasilan karya. Kehebatan, keanehan, kesaktian dan keajaiban menjadi inti utama bagi pengarang sebagai strategi memancing perhatian khalayak terhadap karyanya. Sebagai senjatanya, pengarang menggunakan unsur mitos untuk menggambarkan kehebatan watak-watak yang terlibat dalam karyanya. Masyarakat pada ketika ini menganggap sesuatu yang ajaib, ghaib, aneh sebagai sesuatu yang suci dan kudus. Oleh itu pengarang memaksimumkan kepercayaan masyarakat terhadap unsur ini untuk mendapatkan perhatian khayalak akan kewujudan karyanya. Bagi mendapatkan keberkesanan penyampaian mitos ini, pengarang menjadikan tipainduk yang hebat sebagai model untuk mengarang. Tipainduk yang diambil adalah tipainduk yang hebat dalam sesebuah tradisi. Tujuan pengarang menggunakan tipainduk adalah untuk mengangkat martabat dan mengagungkan bangsanya.

## **TIPAINDUK DAN MITOS**

Sebelum meneruskan perbincangan, perlu diketahui apa itu tipainduk dan mitos. Tipainduk menurut Hashim Awang (1985:95) ialah:

Makna dasar tipainduk ialah 'model', bentuk atau corak asal yang darinya sesuatu yang dibuat atau diperkembangkan. Kemudiannya seorang tokoh psikologi analisis yang

terkenal, Carl Jung, menggunakan istilah tipainduk dengan maksud imej 'terawal' atau 'imej yang paling asli'. Ia terbentuk dari pengalaman yang berulang-ulang yang dilalui oleh nenek moyang sesuatu bangsa dan ini ditimbulkan kembali dalam mitos, mimpi, fantasi dan kesusasteraan.

...pengulangan ini boleh menghidupkan emosi pembaca kerana menimbulkan kembali imej asal dalam ingatan bawah sedarnya dan dengan demikian pembaca akan memberi gerak balas yang besar.

Berdasarkan makna tipainduk ini dapat diringkaskan bahawa tipainduk merujuk kepada yang asal atau asli. Ia sentiasa wujud daripada satu tradisi ke satu tradisi. Kehebatan watak tipainduk ini dimitoskan oleh pengarang sastera Melayu tradisional untuk meluarbiasakan watak-watak dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Mitos menurut Hashim Awang (1985:61) ialah;

Jenis cerita rakyat yang mengisahkan tentang manusia atau makhluk dan peristiwa luar biasa yang tidak rasional atau yang tidak dapat di terima akal biasa...

Mitos juga bermaksud kepercayaan atau keyakinan yang diterima bulat-bulat tanpa bukti seperti mitos yang terdapat dalam sesetengah agama...

Dalam *Annal Melayu*, kedua-dua unsur ini amat penting dalam memancing tumpuan khalayak pada teks tersebut. Dalam konteks ini teks bercorak hikayat menjadi keutamaan dalam mengaitkan unsur tipainduk dengan mitos asal-usul keturunan raja-raja. Menurut Noriah Taslim (1993:89), genre hikayat secara konvensionalnya dibina oleh peristiwa yang bermotifkan aspek-aspek keluarbiasaan yang diberikan satu perwarna yang hebat kepada sifatnya. Keadaan ini diwajarkan oleh;

Pertama: watak-watak yang seluruhnya terdiri daripada kolompok raja-raja yang pada pandangan rakyat sentiasa dihubungkan dengan unsur-unsur kesaktian dan keluarbiasakan dan;

Kedua: fungsinya yang secara langsung untuk menghiburkan dan meleakakan. Maka apakah selain pemerian mengenai alam yang penuh dengan ketakjuban dan keajaiban yang benar-benar dapat meleakakan khalayak.

Pendapat yang dikemukakan di atas bertepatan dengan konteks perbincangan. Dalam sesebuah hikayat, unsur keluarbiasaan, keajaiban dan keanehan menjadi tumpuan pengarang dan menjadi kemestian dalam sesebuah hikayat untuk menggambarkan

kehebatan watak. Mitos dijadikan sebagai alat untuk membenarkan perkara tersebut. Bagi mendapatkan rasa kagum, takjub dalam minda masyarakat Melayu tradisional, tipainduk daripada tradisi lain dipilih oleh pengarang. Tipainduk yang digunakan adalah tipainduk yang mempunyai persamaan dengan latar budaya masyarakat Melayu. Dalam konteks ini tipainduk dari Parsi dan Hindu kerap digunakan oleh pengarang. Masyarakat Melayu lebih mengenali dan lebih dekat dengan sastera Parsi dan sastera Hindu. Tambahan pula alam Melayu pernah menerima pengaruh agama Hindu dan juga kedatangan Islam ke alam Melayu. Dengan ini pengarang Melayu menjadikan kedua-dua tradisi ini sebagai sumber kepengarangannya.

### **TIPAINDUK, MITOS DALAM ALAM MELAYU**

Tipainduk wujud dalam pelbagai bentuk dalam mitos sesebuah masyarakat. Mitos dianggap sebagai sesuatu yang benar apabila masyarakat mempercayai akan mitos tersebut. Tipainduk sentiasa berkembang dan berulang-ulang dari satu tradisi ke satu tradisi. Pengulangan ini berlaku apabila masyarakat mengkagumi, menyanjungi tipainduk tersebut dan menjadi inspirasi untuk mengangkat martabat sesuatu bangsa. Lantaran itu watak tipainduk yang diambil adalah watak tipainduk yang luarbiasa dan istimewa. Kehebatan watak tipainduk ini telah dimitoskan oleh pengarang dalam sastera Melayu.

Tujuan utama pengarang ialah untuk mengangkat martabat bangsa dengan mengaitkan watak dalam sastera Melayu mempunyai hubungan dengan watak tipainduk tersebut. Selain mengangkat martabat sesuatu bangsa, mitos juga digunakan sebagai satu strategi politik yang amat berkesan. Masyarakat mempercayai unsur mitos tanpa sebarang bantahan kerana menganggap unsur ini adalah sesuatu yang benar, suci dan kudus. Hal ini kerana pemikiran masyarakat Melayu masih lagi dipengaruhi oleh agama Hindu walaupun Islam telah pun tersebar di alam Melayu. Seperti yang dinyatakan, secara konvensional cerita-cerita hikayat sering memaparkan tentang kehidupan raja-raja. Masyarakat menganggap raja adalah pemerintah yang wajar di sembah dan tidak boleh dipertingkai perbuatan raja. Hal ini kerana pengaruh Hindu telah menetapkan bahawa raja adalah bayangan Tuhan. Menurut Noriah Taslim (1986:41), tradisi agama Hindu, raja-raja itu ialah dewa raja (*God-King*) iaitu raja adalah bayangan Tuhan. Konsep ini telah menyebabkan masyarakat membenarkan dan mempercayai hakikat kehebatan raja. Dengan ini dapat dilihat mitos berfungsi untuk memastikan masyarakat mematuhi dan mempercayainya.

Idea tentang raja sebagai tipainduk muncul dalam sastera dunia, kerana kepercayaan masyarakat terhadap seseorang raja. Raja yang hebat harus berasal dari keturunan yang bersifat *supernatural* seperti dari dewa dan sebagainya. Kepercayaan dan kekaguman ini menyebabkan tipainduk ini berkembang dari satu tradisi ke satu tradisi. Tambahan pula masyarakat sebelum ini mempercayai tentang kewujudan dewa dalam kehidupan mereka. Dewa menjaga dan mengawal kehidupan mereka. Oleh sebab itu, raja mereka dikaitkan dengan dewa lantaran sifat raja yang mengawal dan menjaga mereka. Alam raja yang sering dikaitkan dengan alam *supernatural* dan ghaib, malahan menganggap unsur ini adalah suci. Kepercayaan yang kental terhadap unsur ini, digunakan oleh pengarang untuk memitoskan watak tipainduk ini.

Sebagai seorang raja dan pemerintah, asal-usul raja telah dimitoskan oleh pengarang. Raja yang ditampilkan oleh pengarang adalah raja yang memiliki sifat-sifat kesempurnaan dan memiliki kuasa kesaktian dan sebagainya. Seajar dengan konsep dewa raja, Bausani mengaitkan asal-usul raja dengan sifat *semi humanization of the paradisaical realm* (Noriah Taslim, 1986:41). Raja yang dijelmakan adalah bersifat penjelmaan dewa dalam diri manusia dan ia wujud bertentangan dengan alam realiti. Hal ini bertujuan untuk membezakan di antara manusia biasa dengan raja yang berkuasa. Keadaan ini berkait rapat dengan kepercayaan Hindu yang amat mempercayai konsep avatara atau penjelmaan semula. Berdasarkan kepercayaan ini, pengarang menjadikan watak tipainduk sebagai model untuk memitoskan asal usul raja-raja.

## **TEKS-TEKS PILIHAN**

*Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan teks annal yang dianggap oleh sesetengah pihak sebagai sastera bercorak sejarah. Hal ini kerana *Hikayat Merong Mahawangsa* meriwayatkan tentang permulaan Kedah hingga ia dilslamkan. Ali Ahmad (1987:94) mengkategorikan *Hikayat Merong Mahawangsa* sebagai sastera sejarah, walaupun ia terbina daripada pelbagai unsur lagenda dan unsur-unsur mitos. R.O.Winstedt (1969:163) juga mengkategorikan hikayat dalam kategori yang sama walaupun beliau tidak menyetujui dengan pengkategorian tersebut.

Winstedt melihat *Hikayat Merong Mahawangsa* daripada kaca mata sejarah bukannya dari sudut sastera sejarah. Oleh itu beliau menggolongkan hikayat ini sebagai *...a farrago of folktales...The work (Hikayat Merong Mahawangsa) is full of omissions, gross anachronisms and error* (Noriah Taslim, 1993:136). Namun ia tidak adil bagi pengarang *Hikayat Merong Mahawangsa* kerana hikayat ini dicipta mengikut pandang alam Melayu bukannya mengikut kayu ukur Barat. Perbincangan ini bukan untuk menentukan kriteria

sastera sejarah tetapi untuk melihat unsur tipainduk yang terdapat dalam mitos sastera Melayu.

*Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan sebahagian daripada mitos asal-usul keturunan raja-raja. Hikayat ini meriwayatkan tentang pembukaan negeri Kedah yang dikatakan dibuka oleh Merong Mahawangsa seorang gergasi dari Rom. Merong Mahawangsa sebenarnya berasal daripada berketurunan dewa keinderaan. Merong Mahawangsa ini telah dihalau dari kayangan kerana memperisterikan seorang puteri raja gergasi. Asal-usul Merong Mahawangsa dapat dinyatakan dalam petikan di bawah (Dzulkifli Mohd Salleh, 1968:7);

...adapun raja itu ayahnya daripada indera-indera dan bondanya itu asal daripada dewa-dwa, maka terbukalah pintu hatinya gemar dan suka ia beristeri akan anak raja gergasi kerana puteri itu kecil lagi baik rupa parasnya dan asal bondanya daripada raksasa. Maka jadi tiada suka ayah bondanya Merong Mahawangsa akan dia beristeri akan tuan puteri itu. Maka oleh Merong Mahawangsa barang kemana ia pergi dibawanya pergi isteri itu bersama dengan dia tiada ditinggalkan...Raja Merong itu ia diketahui ilmu kesaktian dan ditakuti oleh sekalian raja.

Unsur mitos jelas terdapat dalam pemerian asal-usul Merong Mahawangsa. Iaitu berasal daripada dewa keinderaan. Keturunan isteri Merong Mahawangsa pula ialah dari keturunan gergasi dan raksasa. Keanehan dan keajaiban asal-usul keturunan Merong Mahawangsa menyebabkan masyarakat menganggap dan mempercayai Merong Mahawangsa adalah raja dari keinderaan. Sesetengah masyarakat Kedah mempercayai bahawa mereka adalah berasal dari keturunan Merong Mahawangsa. Ternyata unsur mitos dan fakta digabung jalin oleh pengarang *Hikayat Merong Mahawangsa* kerana kebanyakan unsur mitos sudah pun diterima oleh masyarakat zamannya sebagai sebahagian daripada realiti (Siti Hawa Salleh, 1994:2).

Kesaktian, kebijaksanaan, berani dan luar biasa merupakan satu pakej lengkap yang sering ditampilkan oleh pengarang. Sebagai watak utama Merong Mahawangsa sewajarnya akan berdepan dengan unsur jahat. Pakej ini akan menampakkan bahawa Merong Mahawangsa adalah seorang wira dewa yang sempurna. Kesaktian merupakan sebahagian daripada ciri yang terdapat pada dewa. Asal-usul Merong Mahawangsa daripada dewa menyebabkan masyarakat menerima unsur kesaktian Merong Mahawangsa. Kesaktian dapat dilihat berdasarkan peristiwa peperangan angkatan Merong Mahawangsa dengan burung Garuda (Dzulkifli Mohd Salleh, 1968:10-14);

Maka Raja Merong Mahawangsa pun menarik busar anak panah yang bernama Ayun-ayunan itu keudara, bergemuruhlah bunyinya seperti halilintar membelah...

Maka Raja Merong Mahawangsa pun segera memanah dengan anak panahnya Berana Pura itu keudara bergemuruh perginya hendak mengenai burung geruda itu...

Demi dilihat oleh Raja Merong Mahawangsa hal anak panahnya itu tewas tiada jua memberi bekas pada burung geruda itu, maka terlalulah marahnya lalu dibalas pula suatu anak panahnya, dipanahkan naik keudara bergempita gemuruh bahananya di dalam laut itu, seketika datanglah seekor burung jentayu menghambat burung geruda.

Jelas terlihat keanehan dan keajaiban pada peristiwa tersebut. Masyarakat tidak mempertikaikan akan kelogikan peristiwa tersebut, kerana masyarakat mempercayainya. Asal-usul Merong Mahawangsa daripada dewa telah tertanam kukuh dalam pemikiran masyarakat. Mitos ini akan terus kekal dalam minda masyarakat walaupun ia tidak diterima akal logik. Pengarang memainkan peranan penting untuk meyakinkan dan menanamkan kepercayaan masyarakat terhadap asal-usul keturunan raja. Konsep dewa raja yang sehati dengan agama Hindu, dimanfaatkan oleh pengarang untuk menanamkan taat setia rakyat kepada raja. Walaupun Islam telah pun bertapak di alam Melayu, namun kepercayaan agama Hindu masih diamalkan oleh masyarakat.

Bagi memancing perhatian khalayak, pengarang mengadunkan unsur Hindu dengan unsur Islam. Unsur Hindu yang ketara adalah berkaitan dengan konsep dewa raja dan juga burung garuda. Burung garuda merupakan kenderaan yang dinaiki oleh dewa Vishnu. Manakala unsur Islam pula ialah mukjizat Nabi Sulaiman yang boleh berkata-kata dengan unggas dan haiwan (Siti Hawa Salleh, 1986:3). Motif burung garuda dipilih oleh pengarang kerana burung garuda mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat Melayu berbanding dengan motif burung yang lain. Malahan dalam cerita lipur lara juga menggunakan motif burung ini seperti *Hikayat Malim Deman*. Walaupun motif ini telah dimitoskan oleh pengarang namun ia tetap dipercayai oleh masyarakat. Keadaan ini menunjukkan bahawa mitos asal-usul keturunan raja ini amat penting untuk mengangkat martabat raja dan juga sebagai strategi politik yang berkesan.

Berdasarkan asal-usul Merong Mahawangsa dan peristiwa yang berlaku, dapat dinyatakan bahawa *Hikayat Merong Mahawangsa* mempunyai tipainduk dari tradisi Hindu iaitu *Hikayat Seri Rama*. Pengarang *Hikayat Merong Mahawangsa* telah menjadikan *Hikayat Seri Rama* sebagai model untuk mengarang hikayat tersebut. Lantaran kekaguman

pengarang terhadap kegagahan, kesaktian dan keluarbiasaannya yang dimiliki oleh Seri Rama menyebabkan pengarang mengambil tempas kehebatan Seri Rama untuk diterapkan pada watak Merong Mahawangsa. Asal-usul Seri Rama menjadi tarikan kepada pengarang untuk mencipta asal-usul Merong Mahawangsa. Dalam *Hikayat Seri Rama*, Seri Rama merupakan seorang raja yang berasal dari keturunan dewa. Ayahandanya Maharaja Dasarata yang mengahwini puteri dari buluh betung iaitu puteri Mandudari (Hashim Awang, 1984:249). Keunikan asal-usul ibu bapa Seri Rama hampir sama dengan asal-usul ibu bapa Merong Mahawangsa iaitu berasal dari keinderaan.

Unsur kedewaan ini dapat dikesan apabila Seri Rama digambarkan mempunyai kebolehan memanah sejak kecil lagi, memanah empat batang pokok yang tersusun, mengalahkan raksasa, mengalahkan Rawana dan juga boleh berkomunikasi dengan binatang, iaitu Hanuman. Kehebatan Seri Rama menyebabkan pengarang *Hikayat Merong Mahawangsa* mengaplikasikan dalam teks tersebut. Tujuan pengarang pada ketika ini adalah untuk memartabatkan kuasa raja dan strategi politik. Oleh sebab itu keturunan raja Kedah adalah berasal daripada keturunan dewa dan ia adalah suci. Daripada segi asal-usul jelas menunjukkan bahawa pengarang *Hikayat Merong Mahawangsa* telah mengambil asal-usul Seri Rama dalam *Hikayat Seri Rama* sebagai tipainduknya.

*Sejarah Melayu* juga merupakan teks sastera sejarah yang mempunyai unsur mitos dalam menceritakan asal-usul keturunan raja dan jurai keturunan raja-raja Melaka. Unsur mitos digunakan oleh pengarang *Sejarah Melayu* untuk mengangkat martabat dan mengagungkan keturunan raja-raja Melaka. Mitos keturunan raja-raja Melaka dikatakan berasal daripada nasab (zuriat) Iskandar Zulkarnain, iaitu seorang tokoh yang terkenal sebagai raja yang hebat, luar biasa dan berkuasa penakluk. Pengarang *Sejarah Melayu* menjadikan watak Iskandar Zulkarnain sebagai tipainduk dalam mengarang *Sejarah Melayu*. Mengikut *Sejarah Melayu* zuriat raja-raja Melaka adalah daripada Raja Iskandar Zulkarnain yang berkahwin dengan puteri Raja Kida Hindi seorang raja di Tanah India (Mohd Taib Osman, 1983:187). Perkahwinan ini telah menghasilkan zuriat yang membawa kepada terbentuknya jurai keturunan Raja Suran yang seterusnya membentuk keturunan raja-raja Melaka.

Mengapa pengarang *Sejarah Melayu* menggunakan watak Iskandar Zulkarnain sebagai pembuka kepada terbentuknya jurai keturunan raja-raja Melaka. Iskandar Zulkarnain merupakan tokoh yang begitu agung. Justeru itu tidaklah menghairankan jika kemudiannya dijadikan sebagai asal keturunan raja-raja besar bagi beberapa buah negeri (Harun Daud, 1989:88). Berasaskan kenyataan ini maka pengarang ingin menjadikan keturunan raja-raja Melaka adalah keturunan raja yang hebat. Oleh sebab itu pengarang

memulakan detik permulaan keturunan raja Melaka adalah daripada Raja Suran. Hal ini kerana melalui keturunan Raja Suran ini unsur mitos boleh diterapkan dan konsep dewa raja boleh dipraktikkan. Konsep dewaraja tidak dipraktikkan pada peringkat awal iaitu peringkat Iskandar Zulkarnain kerana Iskandar Zulkarnain berasal daripada tradisi Parsi bukannya daripada tradisi Hindu. Jika diterapkan akan menyebabkan percanggahan tradisi akan berlaku. Oleh sebab itu konsep ini diperkenalkan pada peringkat Raja Suran.

Mitos keturunan ini menjadi suatu kepercayaan bagi masyarakat malahan menganggap ia benar bahawa raja-raja Melaka adalah berasal daripada keturunan Iskandar Zulkarnain yang suci. Tujuan utama pengarang menghubungkan jurai keturunan raja Melaka dengan Iskandar Zulkarnain adalah bertujuan mengangkat martabat raja-raja Melaka serta membezakan kuasa daulat di antara raja Melaka dengan raja-raja lain. Signifikan dengan situasi ini ialah rasa kagum pengarang terhadap kehebatan Iskandar Zulkarnain yang mampu menguasai dunia dan sebagai pemerintah yang agung. Kekaguman ini menyebabkan pengarang memitoskan keturunan raja Melaka. Malahan pengarang telah memerikan kehebatan Raja Suran sama dengan kehebatan Iskandar Zulkarnain dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain*.

Dalam *Sejarah Melayu*, pengarang telah mewujudkan watak Raja Suran sebagai raja yang mempunyai kuasa penakluk, bijaksana, gagah berani dan sebagainya. Kehebatan Raja Suran telah dimitoskan oleh pengarang *Sejarah Melayu*. Unsur mitos ini dapat dilihat berdasarkan peristiwa Raja Suran turun ke dalam laut dan berkahwin dengan puteri negeri bawah laut tersebut. Anak-anak Raja Suran yang memulakan episod jurai keturunan raja-raja Melaka, malahan pengarang masih menegaskan hakikat zuriat Iskandar Zulkarnain. Petikan ini dapat dilihat di bawah (W.G.Shellabear, 1975:12-13);

Maka Raja Suran pun fikir pada hatinya, 'Bahawa isi darat telah sudah akau ketahuilah dan segala isi laut bagaimana pula gerangan rupanya. Jikalau demikian, baiklah aku masuk ke dalam laut, supaya aku ketahu betapa halnya.'

Adapun Raja Aftabul Ard itu ada beranak seorang perempuan, Tuan Putri Mahtabul Bahri namanya, terlalu baik parasnya. Maka oleh Raja Aftabul Ard akan Raja Suran itu dikahwinkannya dengan anaknya tuan Putri Mahtabul Bahri. Antara tiga tahun lamanya Raja Suran duduk dengan Tuan Putri Mahtabul Bahri, maka baginda pun beranak tiga orang laki-laki.

Maka titah Raja Suran, 'Jika demikian hendaklah tuan hamba perbuatkan hamba mahkota tiga buah akan pakaian anak hamba, supaya ada tanda Raja Iskandar Zulkarnain kepadanya.'



Pengarang masih menegaskan tentang hubungan di antara Iskandar Zulkarnain dengan Raja Suran. Unsur mitos digunakan untuk mengangkat martabat jurai keturunan Raja Suran. Peristiwa ini juga terdapat dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* di mana Iskandar Zulkarnain juga turun ke dasar lautan untuk melihat dunia bawah laut. Ternyata *Sejarah Melayu* telah menggunakan peristiwa ini bertujuan untuk menganehkan keturunan Raja Suran. Peristiwa ini juga telah mendapat perhatian seorang sarjana dari Barat iaitu William Marsden. Dakwaan Marsden bahawa Raja Suran dalam *Sejarah Melayu* adalah Iskandar dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* tidak dapat ditolak dengan mudah. Ini, antara lain, memandangkan kedua-dua tokoh itu turun ke laut dengan menggunakan peti kaca (Haron Daud, 1989:88-89).

Tipainduk Iskandar Zulkarnain terdapat dalam watak Raja Suran. Kehebatannya telah dimitoskan oleh pengarang untuk memastikan keturunan raja-raja Melaka dihormati dan disanjung. Dengan ini mitos akan berperanan untuk mendaulatkan raja-raja. Konsep kedaulatan ini sering dihubungkan dengan tokoh yang terkenal dan terdapat dalam sejarah nyata seperti Iskandar Zulkarnain. Tambahan pula masyarakat percaya bahawa raja-raja itu bukannya orang-orang biasa, tetapi orang-orang istimewa yang mesti dipatuhi segala titah perintah (Sanusi Samid, 1986:68). Oleh sebab itu anak-anak Raja Suran yang turun ke Bukit Siguntang Mahamiru telah mengubah panorama alam iaitu mengubah padi menjadi emas, daun menjadi suasa dan batang menjadi tembaga. Mitos ini menjadikan keturunan raja-raja Melaka adalah raja yang agung.

Pelbicaraan di atas jelas menunjukkan bahawa *Sejarah Melayu* telah memitoskan keturunan raja-raja Melaka dengan menghubungkan dengan Iskandar Zulkarnain dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* sebagai tipainduknya. Penegasan ini telah dijelaskan dalam pengenalan *Hikayat Iskandar Zulkarnain* (Khalid Hussain, 1967:ix);

Permulaan daripada sesetengah hikayat Melayu lama ada menyebut tentang tokoh Iskandar Zulkarnain, malah tokoh Iskandar Zulkarnain ini dianggap sebagai nasab raja-raja Melayu. Dalam buku *Sejarah Melayu* juga dikatakan bahawa keturunan raja-raja Melayu berasal daripada Iskandar Zulkarnain.

Pengulangan akan sentiasa wujud dalam masyarakat pelbagai bangsa. Kehebatan Iskandar Zulkarnain menyebabkan dia dijadikan sebagai tipainduk oleh pengarang untuk mencipta watak wira yang menjadi kebanggaan sesuatu bangsa. Keadaan ini menjelaskan bahawa bukan bangsa Melayu sahaja yang menggunakan Iskandar Zulkarnain sebagai tipainduk tetapi bangsa lain juga menggunakannya. Dalam konteks ini jelas menunjukkan bahawa Iskandar Zulkarnain dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* sebagai tipainduk bagi Raja Suran *Sejarah Melayu*. Sehingga hari ini sesetengah masyarakat masih mempercayai

bahawa asal-usul keturunan raja-raja adalah daripada cucu-cicit Iskandar Zulkarnain yang wajar dihormati dan di sanjung.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya ialah tipainduk sering wujud dalam setiap sastera pelbagai bangsa. Ia sentiasa berulang dan berkembang dalam minda masyarakat selagi masyarakat mempercayainya. Tipainduk ini digunakan oleh pengarang untuk mengangkat martabat bangsa dan mengukuhkan strategi politik sesebuah negara. Dengan ini unsur mitos memainkan peranan untuk merealitkan kehebatan tersebut. Masyarakat mempercayai akan mitos tersebut kerana dalam fikiran mereka telah tertanam konsep dewa raja, iaitu raja adalah bayangan Tuhan yang wajar disembah dan tidak boleh derhaka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa *Hikayat Merong Mahawangsa* mempunyai tipinduknya iaitu *Hikayat Seri Rama* dalam menyatakan asal-usul rajanya, manakala *Sejarah Melayu* menggunakan watak Iskandar Zulkarnain dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* sebagai mempunyai hubungan dengan keturunannya. Malahan watak Raja Suran digambarkan mempunyai kehebatan menyamai kehebatan Iskandar Zulkarnain. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa tipainduk dan mitos tidak boleh dipisahkan dalam sastera Melayu tradisional.

## **BIBLIOGRAFI**

- Ali Ahmad, 1987. *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dzul kifli bin Mohd Salleh, 1968. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud, 1989. *Sejarah Melayu: Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (peny), 1984. *Seuntai Mutiara Klasik*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Hashim Awang, 1985. *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Khalid Hussain (peny), 1967. *Hikayat Iskandar Zulkarnain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman dan Abu Hassan Sham, 1983. *Warisan Prosa Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim, 1986. "Bausani dan Struktur Tipalogikal Sebuah Hikayat: Satu Penilaian Kembali". *Dewan Sastera*; April, hlm 39-44.
- Noriah Taslim, 1993. *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sanusi Samid, 1986. "Sejarah Melayu sebagai Satu Sumber Sejarah" dalam Zahrah Ibrahim (peny), *Sastera Sejarah: Interpretasi dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shellabear, W.G, 1975. *Sejarah Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Siti Hawa Salleh, 1994. "Hikayat Merong Mahawangsa: Antara Mitos dan Realiti" dalam Mohd Affandi Hassan (peny), *Kesusasteraan Melayu Mitos dan Realiti: Esei/Kritikan Hadiah Sastera Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winstedt, R.O, 1969. *A History of Classical Malay Literature*. London: Oxford University Press.